

Sambutan Hari Kebangsaan, Hari Malaysia lebih meriah

Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang naikan patriotisme rakyat


Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Selepas dua tahun disambut dalam persekitaran norma baharu dengan pelbagai keangan dan atur cara sederhana susulan pandemik COVID-19, Hari Kebangsaan 2022 dan Hari Malaysia pada tahun ini bakal di-

sebelum pandemik, sambutan Hari Kebangsaan 2022 akan berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos, manakala Hari Malaysia pula di Melaka pada 16 September.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, Tan Sri Annuar Musa yakin kedua-dua majlis sambutan tahun ini yang bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' akan lebih meriah daripada sebelum ini.

"Sudah lama tidak ada perarakan, saya terima banyak sekali permohonan daripada pelbagai kumpulan yang ingin menyertainya walaupun kita terpaksa hadkan," katanya ketika ditemui media selepas majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur



Ismail Sabri melepaskan konvoi Kembara Merdeka sempena majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 di Kompleks Istana Kehakiman, Putrajaya, semalam.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kuatan dan kesepaduan kolektif oleh Keluarga Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan semangat sebuah keluarga.

"Semangat 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' ini harus disemarakan dan dihayati segenap lapisan masyarakat dalam usaha kita mensejahterakan kehidupan rakyat ketika mendepani cabaran ekonomi global.

yang dikecapi Keluarga Malaysia dalam mengurus pentadbiran negara selepas dijajah kuasa asing.

530 sertai KKM2022

"Walaupun tidak lagi dibelenggu penjajah, Keluarga Malaysia sentiasa berdepan dengan cabaran dari luar yang boleh menggugat keharmonian terjalin selama ini," katanya yang turut mele-

"Selain mengibarkan Jalur Gemilang, Keluarga Malaysia boleh juga membuktikan cinta kepada negara termasuk dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam diri, bekerjasama dan mengamalkan toleransi, mendukung segala inisiatif kerajaan dan amalan sebar berita yang benar dan sahih.

"Gejala menyebarkan berita palsu atau berita tidak benar terutamanya menerusi media so-

langsung dalam suasana lebih meriah.

Sambutan pada dua tahun terdahulu diadakan secara maya dan hibrid dengan kehadiran di lokasi acara terhad kepada dif kehormat, anggota keselamatan dan petugas bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) mencegah penularan COVID-19.

Pada 2021, sambutan Hari Kebangsaan diadakan secara sederhana di Dataran Pahlawan Negara, di sini, manakala tahun sebelumnya, hanya perutusan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah disiarkan secara langsung.

Tahun ini, dengan situasi negara yang mula kembali ke fasa

Gemilang 2022, di sini semalam. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika berucap merasmikan majlis berkenaan, berkata selepas dua tahun berjuang memerangi COVID-19, negara kini dalam fasa peralihan ke endemik dan Keluarga Malaysia mula menikmati kesejahteraan hidup seperti sebelum pandemik.

Tema keharmonian

Katanya, tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini amat bersesuaian dengan iltizam dan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

"Teguh Bersama merujuk ke-

"Saya yakin, apabila kita lakukan secara bersama-sama, tiada siapa mampu mengganggu-gugat keteguhan Keluarga Malaysia," katanya menambah Bulan Kebangsaan istimewa kerana akan menyaksikan penyertaan seluruh Keluarga Malaysia mengibarkan Jalur Gemilang di pelbagai tempat.

"Saya gembira melihat suasana sebegini kerana ia akan menaikkan semangat patriotisme dalam diri kita untuk meneruskan perjuangan dalam mengekalkan kebebasan yang dikecapi sejak 31 Ogos 1957," katanya.

Katanya, sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang diadakan bagi memperingati perjuangan kebebasan

yang akan diadakan pada majlis semalam.

Konvoi disertai 434 kenderaan dengan 530 peserta berkonsep serahan Baton Jalur Gemilang itu, akan menjelajah seluruh negara bermula di Dataran Putra di sini melalui perjalanan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta Labuan sebelum berakhir pada 31 Ogos depan di Dataran Merdeka.

Ismail Sabri turut mengajak Keluarga Malaysia untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan dengan mewarna dan menghiasi setiap premis dengan Jalur Gemilang bagi mencerminkan rasa cinta terhadap tanah air.

ial harus dikawal dan dibendung sebelum ia menjadi satu amalan yang boleh memporak-perandakan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"Gunakanlah media sosial secara berhemah untuk menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan dengan ucapan-ucapan murni kepada rakan taulan, majikan dan keluarga sendiri," kata Perdana Menteri.

Pada majlis semalam yang berlangsung dalam suasana meriah dan penuh semangat patriotik, Ismail Sabri bersama Annuar dan anggota Jemaah Menteri, antara lain menyertai ribuan anggota Keluarga Malaysia pada program 'Berjalan Teguh Bersama' sejauh 2.7 kilometer.

Rakyat diajak anjur aktiviti semarak sambutan

Putrajaya: Seluruh rakyat diajak menganjurkan pelbagai aktiviti sempena sambutan Bulan Kebangsaan sebagai tanda kesyukuran dan kebersamaan selari dengan konsep Keluarga Malaysia.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata selepas dua tahun dibelenggu pandemik COVID-19, kini rakyat perlu kembali menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari

Malaysia 2022 (HKHM2022) dengan penuh rasa patriotik.

"Kita harap HKHM2022 diraikan segenap lapisan masyarakat dengan mengibarkan Jalur Gemilang dan pelbagai acara, berteraskan konsep Keluarga Malaysia, iaitu 'Kebersamaan, Keterangkuman dan Kesyukuran'. Ini tanda kesyukuran kita semua," katanya.

Berucap pada majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 yang

disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam, Annuar mahu sambutan dilaksanakan di seluruh negara berteraskan tiga teras terbabit yang menjadi sumber kekuatan negara.

Doakan keharmonian

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 turut mengajak rakyat mendoakan agar pimpi-

nan Ismail Sabri sentiasa dilimpahi kesejahteraan dan terus terserlah.

"Doakan juga keharmonian Keluarga Malaysia ini terus terjalin. Mudah-mudahan apa yang didoakan Imam Masjid Putra, Salahuddin Ghazali (majlis pelancaran) sebentar tadi dapat zahirkan sebuah negara aman sejahtera dan mendapat rahmat Allah SWT," katanya.

Pada sidang media kemudiannya, Annuar berkata, suasana

majlis pada pelancaran sambutan semalam sudah lama dinanti-nantikan rakyat, malah menjadi lebih istimewa dengan penyertaan Ismail Sabri dan anggota Jemaah Menteri yang berjalan bersama-sama rakyat.

"Ini membawa simbolik 'Teguh Bersama Keluarga Malaysia' yang juga tema tahun ini. Yang penting sekali ialah kita kembali kepada satu suasana penuh keceriaan," katanya.